

Soal Jawab Agama

Soalan dan jawapan untuk Soal Jawab Agama ini dipetik daripada 'RUANGAN SOAL JAWAB AGAMA' dari Portal UniMAP. Soalan dan jawapan telah dimodifikasi tanpa mengubah maksudnya supaya lebih difahami dan sesuai untuk bacaan umum.

SOALAN 1

Saya ingin bertanya adakah boleh kita bermusafir pada hari Jumaat selepas subuh?

JAWAPAN 1

Boleh untuk bermusafir selepas subuh pada hari Jumaat. Sheikh Soleh Uthamin, seorang Ulama' Arab Saudi menyatakan bahawa, diharuskan seseorang untuk bermusafir sebelum dilayangkan azan Jumaat. Namun sekiranya ada pilihan untuk bermusafir selain hari Jumaat juga lebih baik bagi mendengar peringatan dan menghadiri hari raya dalam seminggu yang disediakan oleh Allah SWT.

SOALAN 2

Saya ingin bertanya mengenai apakah hukumnya meluruskan rambut?

JAWAPAN 2

Hukum meluruskan rambut yang pada asalnya adalah kerinting atau mengkeritingkan rambut yang lurus adalah haram kerana ia termasuk dalam perkara mengubah ciptaan Allah S.W.T. Namun begitu, pengharaman ini untuk perubahan yang ketara, dilihat jelas perbezaannya dan berkekalan lama. Adapun perubahan yang sedikit dengan bersikat, menggunakan gel dan dandan rambut itu tidak dianggap perkara yang diharamkan. Malahan ini perkara yang disunatkan.

Nabi SAW bersabda: " Sesiapa yang memiliki rambut hendaklah dia muliakan." Oleh kerana itu, teknik rebonding diharuskan dengan syarat tidak menghalang air dari mengenai rambut dan tidak mengandungi benda najis dll. Jika rambut telah sedia kerinting adalah tidak diharuskan tetapi jika rambut sedikit kusut diharuskan kerana tidak mengubah ciptaan Allah SWT. Wallahu a'lam.

SOALAN 3


Saya ingin bertanya apakah hukum lelaki memakai cekak rambut?

JAWAPAN 3

Secara dasarnya tidak menjadi dosa seorang lelaki yang memakai cekak rambut. Tetapi, sekiranya pemakaian tersebut boleh mengundang fitnah, cakap-cakap yang tidak baik, serta menjadikan dia menyerupai wanita, maka, adalah tidak dibenarkan. Baginda Rasulullah S.A.W melarang kaum lelaki meniru kaum wanita dan wanita meniru kaum lelaki. Sabdanya Rasulullah S.A.W., ertinya : Dari Saidina Ibnu 'Abbas r.a beliau berkata : " Sesungguhnya Baginda Rasulullah S.A.W telah melaknat lelaki-lelaki yang meniru-niru kaum wanita dan melaknat juga kaum wanita yang meniru-niru gaya kaum lelaki" ~ Hadith sahih diriwayatkan oleh Al-Imam al-Bukhari r.h. Wallahu a'lam

SOALAN 4

Mengapa dalam solat berjemaah bagi Zuhur dan Asar, bacaan imam bagi dua rakaat yang pertama adalah perlahan, tetapi bagi solat Maghrib, Isya' dan Subuh, bacaannya kuat. Adakah berkaitan dengan waktu siang dan malam (pada zaman Rasulullah S.A.W.). Bagaimana jika bacaannya pada solat Zuhur dan Asar adalah kuat, adakah batal solat tersebut. Begitu juga sebaliknya bagi solat Maghrib, Isya' dan Subuh. Adakah hadis-hadis yang berkaitan atau sekadar amalan para sahabat.



JAWAPAN 4

Hukum menguatkan bacaan dalam solat Maghrib, Isya' dan Subuh adalah sunat dan tidak wajib. Dalilnya adalah amalan yang diamalkan oleh Rasulullah S.A.W. sepanjang beliau solat. Dalilnya yang masyhur ialah "Syallu kama ra'aitumuunii Usyalli" maksudnya: "Solatlah kamu sekalian sebagaimana kalian lihat aku solat." [HR Bukhari-Muslim]. Lajnah Daaimah lil Buhuth KSA memfatwakan tatacara kuat perlahan itu hukumnya sunnah dan umat Islam disyariatkan mengikuti sunnah ini. (Jld 6/392) Dr. Abdul Karim Zaidan dalam al-Mufassal, Madzhab Ahmad menetapkan, seseorang yang solat secara sendirian mempunyai pilihan samada hendak membaca kuat atau perlahan (1/220). Maka, sunnah ini diberatkan dalam solat berjema'ah tapi dilonggarkan dalam solat.

SOALAN 5

Saya mempunyai kemusykilan. Kadang-kadang saya melihat sesetengah kawan saya sujud lama dalam solat 5 waktu sehari semalam ketika sujud terakhir dalam solat. Adakah sujud yang lama itu boleh juga kita lakukan seperti yang kita lakukan dalam solat hajat dengan memperbanyakkan berdo'a? Adakah selepas solat tersebut, kita tidak perlu lagi berdo'a?

JAWAPAN 5

Tidak mengapa untuk sujud lama di dalam solat berdasarkan hadith Nabi, Rasulullah SAW bersabda, "Saat yang paling dekat bagi seorang-hamba untuk berada di samping Tuhannya, ialah ketika ia sujud. Dari itu hendaklah kamu memperbanyak doa ketika sujud itu!" Dan sabdanya pula: "Ketahuilah bahawa saya dilarang membaca Al-Quran di waktu rukuk mahupun sujud. Maka sewaktu rukuk, hendaklah kamu membesarkan Tuhan, sedang di waktu sujud, usahakanlah padanya berdo'a dengan sungguh-sungguh, kerana besar kemungkinan akan dikabulkan Tuhan!" (HR Ahmad dan Muslim). Namun begitu, kadar sujud Nabi adalah sama dengan kadar rukuk Baginda melainkan terdapat sesuatu halangan seperti yang terjadi kepada Rasulullah SAW yang mana cucunya menaiki belakang baginda seperti di dalam HR an-Nasa'i, Ibn 'Asaakir, al-Hakim dll. Berdoalah dalam sujud anda, dan seeloknya sama dengan kadar rukuk yang boleh dilamakan sedikit untuk mengagungkan Allah ketika rukuk serta berdo'a di dalam sujud. Oleh kerana itu, hendaklah dilakukan sujud lama dengan kadar yang sama dengan rukuk. ertinya, tidak hanya lama pada sujud terakhir.

"Janganlah kamu jadikan rumah-rumah kamu perkuburan sesungguhnya syaitan akan lari dari rumah yang dibaca padanya surah al-Baqarah". (Riwayat Muslim).

SOALAN 6

Saya pernah mendengar lelaki yang dayus amat dimurkai Allah. Siapakah lelaki yang dayus mengikut pandangan Islam dan mohon dapat dijelaskan ciri-cirinya?

JAWAPAN 6

Sabda Nabi : Ertinya : Dari Ammar bin Yasir berkata, ia mendengar dari Rasulullah S.A.W. berkata : " Tiga yang tidak memasuki syurga sampai bila-bila iaitu si dayus, si wanita yang menyerupai lelaki dan orang yang ketagih arak", lalu sahabat berkata : Wahai Rasulullah, kami telah faham erti orang yang ketagih arak, tetapi apakah itu dayus? , berkata Nabi : "iaitu orang yang tidak memperdulikan siapa yang masuk bertemu dengan ahlinya (isteri dan anak-anaknya) - (Riwayat At-Tabrani ; Majma az-Zawaid, 4/327 dan rawinya adalah thiqat). Dari hadith di atas, kita dapat memahami bahawa maksud lelaki dayus adalah si suami atau bapa yang langsung tiada perasaan risau dan ambil endah dengan siapa isteri dan anaknya bersama, bertemu, malah sebahagiannya membiarkan sahaja isterinya dan anak perempuannya dipegang dan dipeluk oleh sebarang lelaki lain.

SOALAN 7

Saya ingin bertanya mengenai batas aurat dengan sepupu? Adakah batas aurat dengan sepupu sebelah bapa dengan sebelah ibu berlainan?

JAWAPAN 7

Mahram terbahagi menjadi 3 jenis, yakni mahram kerana nasab (keturunan), mahram kerana penyusuan, dan mahram mushaharah (kekeluargaan kerana pernikahan). Jenis pertama, yakni mahram kerana keturunan, ada tujuh golongan: 1) Ibu, nenek dan seterusnya ke atas baik dari jalur laki-laki mahupun wanita 2) Anak perempuan, cucu perempuan dan seterusnya ke bawah baik dari jalur laki-laki mahupun wanita 3) Saudara perempuan kandung, seayah atau seibu 4) Saudara perempuan bapa, saudara perempuan datuk dan seterusnya ke atas baik sekandung, seayah atau seibu 5) Saudara perempuan ibu, saudara perempuan nenek dan seterusnya ke atas baik sekandung, seayah atau seibu 6) Anak saudara perempuan sekandung, seayah atau seibu, cucu perempuannya dan seterusnya ke bawah baik dari jalur laki-laki mahupun wanita 7) Anak saudara laki-laki sekandung, seayah atau seibu, cucu perempuannya dan seterusnya ke bawah baik dari jalur laki-laki mahupun wanita. Rujuk surah (An-Nisa: 23) Jenis kedua, juga berjumlah tujuh golongan, sama dengan mahram yang telah disebutkan pada nasab, cuma pengharaman ini kerana penyusuan. "Apa yang haram kerana nasab maka itupun haram kerana penyusuan." (Muttafaqun 'alaih dari Ibnu 'Abbas), berdasar pendapat yang paling kuat (rajih), iaitu pendapat jumhur dan dipilih oleh Asy-Syaikh Abdurrahman As-Sa'di, Asy-Syaikh Ibnu Utsaimin dan Syaikhuna (Muqbil) rahimahumallahu, ialah penyusuan yang mengharamkan adalah yang berlangsung pada masa kecil sebelum melewati usia 2 tahun, berdasarkan firman Allah, "Para ibu hendaklah menyusukan anaknya selama 2 tahun penuh bagi siapa yang hendak menyempurnakan penyusuannya." (Al-Baqarah: 233). Jenis ketiga, jumlahnya 4 golongan, sebagai berikut: 1) Isteri bapa (ibu tiri), isteri datuk dan seterusnya ke atas berdasarkan surah An-Nisa ayat 23. 2) Isteri anak, isteri cucu dan seterusnya ke bawah berdasarkan An-Nisa: 23. 3) Ibu mertua, ibunya dan seterusnya ke atas berdasarkan An-Nisa: 23. 4) Anak perempuan isteri dari suami lain (rabibah), cucu perempuan isteri baik dari keturunan rabibah mahupun dari keturunan rabib, dan seterusnya ke bawah berdasarkan An-Nisa: 23. Dan mereka tetap sebagai mahram meskipun terjadi perceraian atau ditinggal mati, maka isteri bapa misalnya tetap sebagai mahram meskipun diceraikan atau ditinggal mati. Dan Rabibah tetap merupakan mahram meskipun ibunya telah meninggal atau diceraikan, dan seterusnya.

SOALAN 8

Saya ada mendengar tentang bahawasanya solat jamak dibolehkan dalam keadaan darurat, bukan dalam keadaan musafir sahaja. Berbeza dengan solat qasar yang hanya untuk musafir sahaja. Contohnya dalam keadaan kuliah bermula sebelum waktu zohor sehingga lewat waktunya dan sehingga ingin habis waktu asar, dikatakan boleh jamak dan tidak untuk qasar, kerana takut terlepas waktu asar. Adakah ianya benar?

JAWAPAN 8

Al-Quran dan as-Sunnah sememangnya ada mengajar kita tentang perihal menunaikan solat-solat fardu di luar waktu yang ditetapkan. Akan tetapi kebolehan ini hanya atas beberapa sebab yang juga telah dijelaskan secara terperinci oleh kedua sumber syari'at tersebut, iaitu: 1) Apabila seseorang itu tertidur sehingga luput waktu solatnya. 2) Apabila seseorang itu terlupa sehingga luput waktu solatnya. 3) Apabila tersilap kiraan waktu solat sehingga terluput waktu yang sebenarnya. 4) Apabila seseorang itu berhadapan dengan situasi darurat sehingga terluput waktu solatnya.

Memang ada pandangan berkaitan keharusan melaksanakan jamak jika berada di dalam keadaan darurat. Tetapi, secara peribadi, saya berpandangan, solat jamak kerana situasi ini tidaklah dengan keperluan yang mendesak. Ertinya, tunaikanlah solat Zohor dan Asar dengan sempurna sekiranya mendapat izin pensyarah. Apatah lagi, untuk menunaikan solat tidaklah mengambil masa yang terlalu lama. Berbincanglah dengan pensyarah untuk memberikan keizinan menunaikan solat sebentar.

SOALAN 9

Saya ingin mengetahui apakah ayat-ayat (yang paling mujrab) untuk melindungi kita daripada gangguan syaitan.

JAWAPAN 9

Antara ayat dan bacaan yang dianjurkan oleh Rasulullah S.A.W. adalah dengan membaca Surah Al-Baqarah berdasarkan hadith :Daripada Abu Hurairah r.a bahawa Rasulullah SAW bersabda yang maksudnya : "Janganlah kamu jadikan rumah-rumah kamu perkuburan sesungguhnya syaitan akan lari dari rumah yang dibaca padanya surah al-Baqarah". (Riwayat Muslim). Antara lain adalah dengan membaca isti'azah (a'uzubillah...) dan membaca surah Al-Falaq dan surah An-Nas yang disebut al-mu'awwizatan

SOALAN 10

Bolehkah kita bersolat Zohor sedangkan pada masa itu para jemaah di masjid belum pulang dari solat Jumaat lagi, dan adakah kita wajib menunggu jemaah tersebut pulang dari solat Jumaat dahulu dan barulah kita boleh solat? (bagi yang tertinggal solat Jumaat).

JAWAPAN 10

Memang terdapat pandangan jumhur (kebanyakan ulama') (Maliki, Qaul Jadid Syadfi dan Hambali) yang menyatakan, orang yang uzur dari solat Jumaat hendaklah menunaikan solat Zohor selepas dari imam menunaikan solat Jumaat di masjid. Namun begitu ada juga ulama' yang mengharuskan orang yang tidak wajib menunaikan jumaat bagi terus menunaikan solat Zohor sebaik sahaja diazankan solat Jumaat.